v.2

MAJALAH

HALUAN

Halatuju Anda, Membangun Minda, Mendidik Hati

KUASAI ILMU

Semangat Iqra'

8 Tip Bina Matlamat

Fitnah Wanita Itu Jahat?

Berguru Dengan IM Hizbur

Cemerlang Bersama Dr Noram, Pakar Mata

ISSN 1675-2643

9 771675 264004

PP 7278/10/2012 (031109) HARGA SEMENANJUNG: RM 6.00, SABAH/SARAWAK: RM 6.50

Ayuh RAKAN-RAKAN mulakan langkahmu!

> "Yang dimaksudkan beruntung ialah siapa yang membersihkan dirinya, memperbanyakkan ketaatan, kebaikan dan sedekah serta menyembunyikannya, kemudian meninggalkan perbuatan maksiat."
> - Ibnu Qutaibah

Rasa Hati

Sedih hati kadangkala. Pilu dan sayu terasa bila melihat generasi seusia yang penuh dengan potensi diri hanyut hilang di bawa arus dunia. Potensi yang ada tidak disalurkan ke jalan yang membina. Masa usia muda masa emas yang seharusnya digunakan sebaik mungkin untuk mendaki puncak tertinggi hilang dengan perkara sia-sia.

Sebagai generasi yang sedar maka harus ada pemuda dan pemudi yang berusaha membaiki keadaan ini. Atau mungkin keadaannya sudah tidak lagi dapat dibaiki , tetapi boleh di kawal agar tidak membarah dan membesar. Pemuda dan pemudi ini mungkin bukanlah terbaik dari segi akademik. Juga mereka mungkin tidak sempurna dari sudut peribadi diri.

Namun mereka seharusnya sedar bahawa mereka bukanlah yang tercorot. Harus dipupuk keberanian dan disusun langkah perubahan. Kita tidak memerlukan mereka yang sempurna untuk memulakan gelombang perubahan yang berpengaruh. Sedarlah bahawa tiada manusia lahir dengan sifat penuh sempurna.

Ombak Perubahan

Kehadiran pemuda dan pemudi ini seharusnya membawa ombak-ombak kecil perubahan yang dipenuhi kasih sayang. Dengan keyakinan, usaha dan tawakkal insya-Allah ombak tadi akan membesar dan terus bergerak meskipun ayunan pertama yang mencetuskannya telah tiada.

Mulakanlah langkah dengan hati yang ikhlas. Kerana keikhlasan ini akan menjadi ukuran di sisi ALLAH dan keikhlasan ini akan menjamin konsistensi apabila datang ujian dan cubaan. Jangan pernah takut dengan sindiran dan kata-kata. Jangan biarkan ejekan melenturkan harapan. Tetapi kuatkanlah keazaman dan pohonlah kepada ALLAH akan kekuatan.

Biarlah pemuda dan pemudi ini dicampak di mana pun. Ke kolej atau ke universiti , ke dalam atau ke luar negara, biar sepekat dan sehitam mana pun masyarakat di sekelilingnya. Yakinlah pemuda dan pemudi ini mampu dan perlu memberi impak positif. Jangan di benci pelaku dosa, senyum dan selamilah hati mereka. Mereka juga seperti kita cuma mungkin tidak pernah lagi berpeluang memahami apa yang kita fahami. Merasai apa yang kita pernah rasai. Yang harus di benci adalah dosanya bukan orangnya.

Harapan Buat Generasi Ini

Pemuda dan pemudi ini adalah mereka yang faham akan tujuan dan tanggungjawab mereka. Mereka yang akan mengembalikan keceriaan pada umat ini. Bersih dan jujur hati mereka. Pemuda dan pemudi yang mahukan masyarakat dan komuniti mereka bertambah baik. Berusahalah untuk menjadi pemuda dan pemudi ini. Atur langkah segera kerana masa tidak menunggu kita.

Syed Ahmad Fathi Bin Syed Mohd Khair. Penuntut Saint Petersburg State Marine Technical University , Russia. Di dalam bidang Marine Engineering. Sila layari blog beliau iaitu http://bersamakepuncak.blogspot.com